

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI YUSOFF**

**[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 23 JULAI 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**

**MASYARAKAT menyatakan dengan terperinci cadangan**

**penambahbaikan terhadap dasar negara yang melibatkan kepentingan**

**kaum wanita serta program-program baru yang sedang dirancang untuk**

**melahirkan wanita Malaysia yang sejahtera.**

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. Sebarang cadangan penambahbaikan ke atas Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara akan ditentukan selepas kajian tersebut selesai. Selain itu, Kementerian ini juga mengadakan sesi *engagement* dengan *stakeholders* untuk memastikan Dasar Wanita Negara tetap relevan.

Sebagai makluman juga, Kementerian sedang menjalankan sesi libat urus bersama kementerian dan agensi Kerajaan, ahli akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui *Joint Action Group for Gender*

*Equality* (JAG) bagi membincangkan cadangan penggubalan Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender.

Manakala bagi program baru pula, Kementerian akan memperkenalkan skim KWSP untuk suri rumah seperti yang telah dijawab dengan menyeluruh oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 18 Julai 2018.

Bagi program sedia ada, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mengambil inisiatif merencana dan menambah baik beberapa program bagi memastikan wanita sejahtera dan dapat memberikan impak yang positif dalam kehidupan. Antaranya adalah dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling serta memperbanyakkan program-program seperti Klinik Guaman, Klinik De'Stress dan program Wanita Anti Jenayah (WAJA) selain melaksanakan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW) sepanjang tahun.